

KRTB

CAREPRIHATIN

Persediaan Untuk Ketenangan Abadi

SERENDAH
RM10
SEBULAN

**TANPA PEMERIKSAAN
KESIHATAN
UNTUK MENDAFTAR!**

PAMPASAN
KEMATIAN
SEMULAJADI

MANFAAT
KEMATIAN
KEMALANGAN

PAMPASAN
KEILATAN
KEKAL

PAMPASAN
36 PENYAKIT
KRITIKAL

ELAUN
HARIAN
HOSPITAL



**SEBUAH SKIM MAMPU MILIK KHAS DARI
KOPERASI RAKAN TEKUN BERHAD (KRTB)**

PENGENALAN

Skim KRTB CARE PRIHATIN adalah satu produk takaful yang sesuai untuk semua lapisan masyarakat di Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa. Ianya direka untuk membantu ahli dan keluarga jika berlaku sebarang musibah / kejadian yang tidak diingini pada masa hadapan.

UMUR PENDAFTARAN

PAKEJ SOLO PRIHATIN	UMUR DAFTAR	BOLEH DIPERBAHARUI / TAMAT
PESERTA UTAMA	18 HINGGA 69 TAHUN	HINGGA UMUR 70 TAHUN
PAKEJ KELUARGA PRIHATIN	UMUR DAFTAR	BOLEH DIPERBAHARUI / TAMAT
PESERTA UTAMA / PASANGAN	18 HINGGA 69 TAHUN	HINGGA UMUR 70 TAHUN
MAKSIMUM 6 ORANG ANAK	30 HARI KE ATAS	MENGIKUT KEAHLIAN PEMBAYAR UTAMA ATAU 18 TAHUN

KONSEP SYARIAH YANG DIGUNAPAKAI

KONSEP TABARRU'

Merujuk kepada sumbangan oleh peserta-peserta takaful ke dalam Dana Risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang perlu dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada benefisiari mereka pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama. Tabarru' akan berkuat kuasa apabila anda mula menyumbang ke dalam Dana Risiko.

KONSEP WAKALAH

Merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) membenarkan pihak Lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Koperasi, kami dilantik sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan perniagaan takaful dan fi wakalah (ujrah) akan dibayar kepada pihak Koperasi.

DUA PAKEJ YANG DITAWARKAN

KRTB CARE IDAMAN menawarkan dua (2) pakej mampu milik yang boleh disumbangkan melalui potongan gaji bulanan atau secara tahunan. Pakej Keluarga Prihatin meliputi perlindungan untuk Suami dan Isteri bersama anak - anak sehingga 6 orang manakala Pakej Solo Prihatin pula untuk melindungi mereka yang bujang atau didaftarkan kepada anak - anak mereka yang berumur 19 tahun ke atas (Sebagai pendaftaran tambahan)

PAKEJ SOLO PRIHATIN

PERSEORANGAN

**RM10 SEBULAN / RM120 SETAHUN
 (RM0.33 Sen Sehari)**

1. MANFAAT KEMATIAN BIASA

- a. BANTUAN PAMPASAN SARA HIDUP KEPADA PIHAK WARIS : **RM14,000**
- b. BANTUAN SERTA MERTA KEPADA PIHAK WARIS : **RM1,800**

PENTING : PESERTA BAHARU SAHAJA , SEMUA KEMATIAN BIASA AKIBAT PENYAKIT SEDIA ADA ADALAH TIDAK DILINDUNGI DALAM TEMPOH TAHUN PERTAMA

2. MANFAAT KEMATIAN KEMALANGAN

- a. BANTUAN PAMPASAN SARA HIDUP KEPADA PIHAK WARIS : **RM30,000**
- b. BANTUAN SERTA MERTA KEPADA PIHAK WARIS : **RM1,800**

3. MANFAAT 36 PENYAKIT KRITIKAL

- a. BANTUAN PAMPASAN RAWATAN SARA DIRI : **RM14,000**

4. MANFAAT KEILATAN KEKAL AKIBAT SEMULAJADI

- a. BANTUAN PAMPASAN MAKSIMUM SEHINGGA : **RM14,000**

5. MANFAAT KEILATAN KEKAL AKIBAT KEMALANGAN

- a. BANTUAN PAMPASAN MAKSIMUM SEHINGGA : **RM30,000**

ELAUN HARIAN HOSPITAL RM20 SEHARI
 (BERADA DI WAD MELEBIHI 6 JAM : MAKSIMUM 180 HARI PER KES
 (KUOTA SEBANYAK 365 HARI SEPANJANG KEAHLIAN)

1.

PAKEJ KELUARGA PRIHATIN

SUAMI ISTERI & 6 ORANG ANAK

**RM20 SEBULAN / RM240 SETAHUN
 (RM0.66 Sen Sehari)**

1. MANFAAT KEMATIAN BIASA SUAMI @ ISTERI

- a. BANTUAN PAMPASAN SARA HIDUP KEPADA PIHAK WARIS : **RM15,000**
- b. BANTUAN SERTA MERTA KEPADA PIHAK WARIS : **RM2,000**

PENTING : PESERTA BAHARU SAHAJA , SEMUA KEMATIAN BIASA AKIBAT PENYAKIT SEDIA ADA ADALAH TIDAK DILINDUNGI DALAM TEMPOH TAHUN PERTAMA

2. MANFAAT KEMATIAN KEMALANGAN SUAMI @ ISTERI

- a. BANTUAN PAMPASAN SARA HIDUP KEPADA PIHAK WARIS : **RM35,000**
- b. BANTUAN SERTA MERTA KEPADA PIHAK WARIS : **RM2,000**

3. MANFAAT 36 PENYAKIT KRITIKAL SUAMI @ ISTERI

- a. BANTUAN PAMPASAN RAWATAN SARA DIRI : **RM15,000**

4. MANFAAT KEILATAN KEKAL AKIBAT SEMULAJADI SUAMI @ ISTERI

- a. BANTUAN PAMPASAN MAKSIMUM SEHINGGA : **RM15,000**

5. MANFAAT KEILATAN KEKAL AKIBAT KEMALANGAN SUAMI @ ISTERI

- a. BANTUAN PAMPASAN MAKSIMUM SEHINGGA : **RM35,000**

ELAUN HARIAN HOSPITAL RM20 SEHARI
 (BERADA DI WAD MELEBIHI 6 JAM : MAKSIMUM 180 HARI PER KES
 (KUOTA SEBANYAK 365 HARI SEPANJANG KEAHLIAN)

CONTOH TUNTUTAN

JIKA SUAMI & ISTERI MENINGGAL BIASA SERENTAK :
 WARIS AKAN MENDAPAT BANTUAN PAMPASAN RM15,000 X 2 = RM30,000

**MANFAAT UNTUK 6 ORANG ANAK
 (BERUMUR 30 HARI SEHINGGA 18 TAHUN)**

BANTUAN SERTA MERTA KEPADA PIHAK WARIS : RM1,000

PENERANGAN MANFAAT

Setiap manfaat direka khas untuk memberi satu perlindungan yang bukan sahaja membantu menjaga kebajikan ahli itu sendiri jika berlaku sesuatu yang tidak diingini tetapi juga untuk memastikan para ahli keluarga / waris terbela dengan persediaan dari segi kewangan untuk menghadapi situasi tersebut. Penerangan untuk setiap manfaat adalah seperti dibawah :

A. MANFAAT KEMATIAN

Sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh sebab semulajadi atau akibat kemalangan, amaun perlindungan kematian akan dibayar dalam satu jumlah sekaligus. Jumlah bayaran adalah berdasarkan pakej. Sijil takaful juga akan ditamatkan selepas pembayaran manfaat kematian.

PENTING : Setiap kematian akibat penyakit sedia ada / keadaan sedia wujud, manfaat kematian biasa tidak dapat dituntut didalam tempoh SETAHUN / 365 hari dari tarikh keahlian diluluskan.

B. MANFAAT BANTUAN SERTA MERTA KEPADA WARIS (AKIBAT KEMATIAN)

Sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh sebab semulajadi / kemalangan, amaun perlindungan kematian akan dibayar dalam satu jumlah sekaligus. Jumlah bayaran adalah berdasarkan pakej.

C. MANFAAT KEILATAN KEKAL MENYELURUH

Sekiranya orang yang dilindungi mengalami keilatan kekal menyeluruh disebabkan oleh sebab semulajadi atau akibat kemalangan untuk tempoh keadaan yang berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan, amaun perlindungan manfaat akan dibayar dalam satu jumlah sekaligus untuk kes disebabkan oleh semulajadi dan untuk kes akibat kemalangan, jumlah akan dibayar mengikut peratus (%) kecederaan / keilatan kekal yang dialami. Sila rujuk jadual bayaran pampasan keilatan kekal akibat kemalangan. Jumlah bayaran maksimum adalah berdasarkan pakej.

D. MANFAAT PERLINDUNGAN 36 PENYAKIT KRITIKAL

Sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis dengan mana-mana salah satu dari 36 penyakit kritikal dalam tempoh sijil takaful, amaun perlindungan akan dibayar dalam satu jumlah sekaligus. Sila rujuk jadual untuk senarai 36 penyakit kritikal. Jumlah bayaran maksimum adalah berdasarkan pakej.

PENTING : Amaun perlindungan yang perlu dibayar untuk manfaat ini akan mengurangkan amaun perlindungan untuk manfaat kematian kemalangan dan manfaat keilatan kekal menyeluruh.

E. MANFAAT ELAUN HARIAN HOSPITAL

Sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital kerajaan /pusat perubatan / hospital berdaftar, manfaat elaun harian hospital akan dibayar untuk kes ahli yang perlu berada di wad rawatan bagi tempoh minimum selama enam (6) jam berturut-turut. Kuota 365 hari diperuntukkan untuk sepanjang perlindungan ahli dan maksimum tuntutan per kes rawatan adalah 180 hari.

PENTING : Manfaat ini tidak termasuk kemasukan akibat rawatan penjagaan harian bagi hospital yang mengenakan caj bilik dan penginapan harian.

PENGECUALIAN (KEMATIAN / KEILATAN KEKAL)

Manfaat tidak dapat dituntut / tidak dilindungi oleh skim jika kematian / keilatan kekal akibat semulajadi atau kemalangan telah berlaku disebabkan oleh kejadian seperti yang disenaraikan dibawah :

1	Bunuh diri (Suicide)
2	Berkekaan dengan penyakit AIDS
3	Berkekaan dengan penyakit seksual (HIV)
4	Keadaan sedia wujud (Untuk manfaat kematian semulajadi : Tahun pertama sahaja)
5	Mencederakan diri sendiri
6	Perkhidmatan Ketenteraan pada waktu perang
7	Aktiviti tidak berjadual dengan pengangkutan udara
8	Dibawah pengaruh alkohol dan dadah
9	Penglibatan di dalam aktiviti rusuhan
10	Penglibatan di dalam aktiviti pengganas
11	Ketidakpatuhan kepada Undang - Undang
12	Kecederaan berkaitan dengan sebab - sebab nuklear / radioaktif

SENARAI 36 PENYAKIT KRITIKAL YANG DILINDUNGI

Senarai 36 penyakit kritikal yang dilindungi adalah seperti dibawah :

1	Strok / Angin Ahmar	19	Transplan Organ Utama / Sumsum Tulang
2	Serangan Jantung - Keterukan tertentu	20	Hilang Keupayaan Bertutur
3	Kegagalan Buah Pinggang	21	Pembedahan Otak
4	Kanser - Keterukan tertentu	22	Pembedahan Injap Jantung
5	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	23	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri
6	Penyakit Arteri Koronari Serius	24	Meningtis Bakteria
7	Angioplasti	25	Trauma Kepala Major
8	Kegagalan Hati Tahap Akhir	26	Anemia Aplastik Kronik
9	Hepatitis	27	Penyakit Neuron Motor
10	Koma	28	Penyakit Parkinson
11	Tumor Otak - Keterukan Tertentu	29	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
12	Kelumpuhan Anggota	30	Distrofi Otot
13	Buta - Kekal dan Tidak Boleh Pulih	31	Pembedahan Aorta
14	Pekak - Kekal dan Tidak Boleh Pulih	32	Sklerosis Multipel
15	Kelecuran Tahap Ketiga	33	Hipertensi Arteri Pulmonori Primer
16	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	34	Penyakit Sistik Medular
17	Penyakit Paru - paru Tahap Akhir	35	Kardiomiopati - Keterukan tertentu
18	Ensefalitis	36	Lupus Eritematosus Sistemik dengan kompilasi buah pinggang yang teruk

JADUAL % BAYARAN MANFAAT KEILATAN KEKAL AKIBAT KEMALANGAN

Jumlah peratus bayaran tuntutan manfaat keilatan kekal akibat kemalangan adalah sepertimana didalam jadual berikut :

No	Penerangan Kecederaan / Keilatan	Peratusan Pampasan
1	Kehilangan penglihatan kedua - dua mata yang tidak boleh disembuhkan	100%
2	Kehilangan kedua - dua belah tangan dari paras atau di atas pergelangan tangan	100%
3	Kehilangan kedua-dua belah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali	100%
4	Kehilangan sebelah tangan dari paras atau di atas pergelangan tangan dan juga penglihatan sebelah mata	100%
5	Kehilangan sebelah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali dan juga penglihatan sebelah mata	100%
6	Kehilangan sebelah tangan dari paras pergelangan tangan dan sebelah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali	100%
7	Kehilangan sebelah tangan pada atau di atas pergelangan tangan	50%
8	Kehilangan sebelah kaki pada atau di atas pergelangan buku lali	50%
9	Kehilangan penglihatan pada sebelah mata	50%
10	Kehilangan penuh pendengaran pada kedua - dua belah telinga yang tidak dapat disembuhkan	50%
11	Kehilangan penuh pendengaran pada sebelah telinga yang tidak dapat disembuhkan	10%
12	Kehilangan penuh daya pertuturan / percakapan yang tidak dapat disembuhkan	50%
13	Hilang :-	
a)	Empat batang jari dan ibu jari dari sebelah tangan pada atau di atas sendi metacarpal	50%
b)	Empat batang jari sebelah tangan pada atau di atas sendi metacarpal	40%
c)	Ibu Jari: - Kedua - dua ruas - Satu ruas	25% 10%
d)	Jari Telunjuk: - Ketiga - tiga ruas - Dua ruas - Satu ruas	10% 8% 4%
e)	Jari Tengah: - Ketiga - tiga ruas - Dua ruas - Satu ruas	6% 4% 2%
f)	Jari Manis : - Ketiga - tiga ruas - Dua ruas - Satu ruas	5% 4% 2%
g)	Jari Kelingking : - Ketiga - tiga ruas - Dua ruas - Satu ruas	4% 3% 2%
h)	Metacarpi: - Pertama atau Kedua - Ketiga, Keempat atau kelima	3% 2%
i)	Jari Kaki : - Kesemua jari sebelah kaki - Kedua - dua ruas ibu jari kaki - Satu ruas ibu jari kaki - Selain ibu jari kaki, sekiranya lebih dari sebatang tiap - tiap satu	15% 5% 2% 1%